



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Ara 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya

PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN SEMASA PKPB

Merujuk kepada sidang media oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan dan selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Oktober 2020 telah menelapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya berkuatkuasa pada 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020.

Sepanjang tempoh PKPB ini, semua perkhidmatan Kerajaan tetap beroperasi dengan penjawat awam mengadaptasi sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (BDR) mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan mereka. Setiap Ketua Jabatan dikehendaki untuk mematuhi Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31JLD.6(6) bertarikh 2 Mei 2020.

Ketua Jabatan juga hendaklah menggunakan kebijaksanaan dan pertimbangan sewajarnya dalam perkara ini di samping memastikan semua SOP keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan fizikal, memakai *face mask* dan menyediakan *hand sanitizer*. Pelaksanaan ini turut digunapakai bagi mana-mana kawasan yang diisytiharkan PKPB.

Dalam hal ini, penggunaan aplikasi atas talian juga perlu diberi keutamaan bagi meminimalkan perkhidmatan secara bersemuka seperti perkhidmatan kaunter dan mesyuarat selari dengan amalan penjarakan fizikal. MKN akan mengeluarkan SOP secara terperinci dalam masa terdekat.

TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara

12 Oktober 2020